

13/02/2003

48 filem sah sertai KLWFF

Akmal Abdullah

SEMUA filem yang menyertai Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) 2003 hendaklah menepati tema dan penyampainya yang berkesan sesuai dengan slogan keamanan yang menjadi teras kepada suara Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang mengadakan sidang kemuncak ke-13 di Kuala Lumpur bermula 20 Februari ini.

Justeru, KLWFF yang berlangsung pada 16-18 Februari ini setakat kelmarin berjaya menghimpunkan 48 judul filem daripada 39 negara yang memenuhi temanya, Keamanan, Harmoni, Tanpa Keganasan dan Tanpa Diskriminasi.

Malaysia akan diwakili dua filem iaitu Embun arahan Erma Fatima dan Sayang Salmah, arahan Dr Mahadi J Murat. Bagaimanapun, untuk pertandingan, setiap negara hanya akan diwakili satu filem saja.

Selain itu, urus setia penganjur kini sedang membuat persiapan rapi untuk mengadakan majlis pelancaran rasmi KLWFF 2003 yang penuh gilang-gemilang di Dataran Merdeka, pada malam 16 Februari ini yang dijangka disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jurucakap Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) yang turut menjadi urus setia festival itu berkata, sesi taklimat kepada Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob diadakan kelmarin untuk memberitahu kelancaran persiapannya.

"Menteri Penerangan menekankan supaya filem yang dipilih untuk menyertai festival ini terutamanya untuk bertanding haruslah memenuhi konsep tema dan bentuk penyampaian yang serius, tidak mahu berunsur komedi. Ini penting untuk memenuhi tema festival ini sendiri.

"Setakat ini sokongan untuk KLWFF amat baik apabila penyertaan sehingga Selasa lalu mencapai 48 judul filem daripada 39 negara. Ada negara yang menghantar lebih satu penyertaan malahan Iran menghantar empat filem manakala Thailand dan Korea menghantar dua karya.

"Begitu juga Malaysia yang menyertakan dua filem iaitu Embun dan Sayang Salmah. Namun, bagi pertandingan yang diadakan untuk menentukan filem terbaik mengikut kategori, hanya satu filem dari setiap negara akan dipilih, begitu juga Malaysia. Namun, kita belum pasti sama ada Sayang Salmah atau Embun yang dipilih untuk bertanding.

"Penjurian peringkat awal kini sudah bermula dan penjurian peringkat akhir dibuat pada Jumaat dan Sabtu ini sebelum majlis kemuncak anugerah dan penutupan rasmi diadakan pada 18 Februari ini di Hotel Mandarin Oriental.

"Sepanjang tiga hari festival ini juga, tayangan filem disediakan menerusi lapan pawagam iaitu di TGV KLCC dan GSC Mid Valley Megamall. Tayangan filem ini adalah percuma dan peminat filem boleh mendapatkan tiket percuma di pintu masuk pawagam.

"Untuk tayangan awam, hanya separuh judul filem yang menyertai KLWFF akan dipilih," katanya kepada Persada Seni.

Setakat ini, antara negara yang menyertai KLWFF 2003 ialah Australia, China, Perancis, Finland, Itali, New Zealand, Switzerland, Thailand, Vietnam, Morocco, Malaysia, Syria, Turki, Tibet, Hungary, Columbia, Korea, Jepun, Iran, Mesir, Uzbekistan, Bosnia-Herzegovina, Britain, Jerman, Sri Lanka, Mexico, Namibia dan Emiriah Arab Bersatu.

Jurucakap urus setia juga berkata, satu sidang media akan diadakan pada Jumaat ini, jam 3 petang di Hotel Concorde bagi memberitahu segala perjalanan dan jadual tayangan filem terbabit.

"Kita sangat berharap masyarakat dan peminat filem dapat mengambil

peluang penganjuran festival ini dengan sama-sama memberi sokongan dan pergi menonton filem terpilih di pawagam.

"Tiga anugerah untuk filem terbaik akan disediakan selain empat anugerah khas juri," katanya.

KLWFF 2003 dikendalikan Kementerian Penerangan dan Finas. Ia turut mendapat kerjasama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Hicom Teleservices, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC), Lexmark Malaysia, MIMOS, Penerbangan Malaysia (MAS) dan Hotel Concorde Kuala Lumpur.